

Dr M sertai rundingan Manila, MILF

BH-#110/2004: 6 Perdana

MANILA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan menyertai perbincangan mengenai usaha damai Manila dengan gerakan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) apabila bertemu dengan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo minggu ini, kata jurucakapnya, semalam.

Dr Mahathir dijangka berjumpa Arroyo ketika majlis makan malam, hari ini sebelum menyampaikan ucapannya pada Persidangan Perniagaan Filipina, kata Setiausaha Luar Filipina, Alberto Romulo.

Arroyo pula akan berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana peranannya sehingga Kerajaan Filipina dan MILF dapat menyambung rundingan damai ketika memegang jawatan Perdana Menteri.

Romulo berkata, Dr Mahathir juga akan berbincang mengenai usaha Filipina mengelak krisis fiskal yang masih membelenggu republik itu.

"Presiden memberitahu, beliau menyambut baik sebarang pandangan diberikan Dr Mahathir," katanya.

Malaysia menjadi orang tengah rundingan damai di antara Manila dan MILF selain memantau perjanjian gencatan senjata antara kedua-dua pihak terbabit.

Gerakan MILF yang mempunyai 12,000 keanggotaan berjuang untuk mewujudkan sebuah negara Islam di selatan negaranya yang sebilangan besar menempatkan rakyat Kristian.

Bagaimanapun, MILF menandatangani persetujuan damai dengan Manila dua tahun lalu selain menolak dakwaan mempunyai hubungan dengan pengganas, sekali gus membuka laluan untuk memulakan semula rundingan keamanan.

Pegawai keselamatan Filipina masih mengeluarkan kenyataan MILF melindungi anggota Jemaah Islamiyah (JI) di dalam kemnya di selatan negara, padahal berkali-kali dinafikan gerakan itu.

Pegawai kerajaan juga berkata, Arroyo akan memberi ucapan penghargaan kepada beberapa pemimpin Asia Tenggara dan Eropah kerana menyokong proses damai dengan MILF ketika menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) di Hanoi, Khamis ini.

"Dengan kehadiran pemantau keamanan antarabangsa serta gencatan senjata antara MILF dan tentera kerajaan, presiden akan memaklumkan pemimpin dunia di persidangan ASEM bahawa agenda kedamaian berjalan lancar," kata jurucakap Arroyo, Ignacio Bunye. - AFP



PELAJAR Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) mendapatkan tanda tangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pada poster besar sebelum beliau pulang ke Kuala Lumpur, malam kelmarin selepas dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat (Kajian Pembangunan) oleh universiti itu. - Gambar oleh Ghazali Bujang